

08 MAR 2000

Mesyuarat-Bahagian

SEBANYAK 33 BAHAGIAN LAGI AKAN BERMESYUARAT SABTU DAN AHAD INI

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Sebanyak 33 Umno Bahagian akan mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing hujung minggu ini, enam daripadanya diadakan pada hari Sabtu, 11 Mac.

Enam Bahagian itu ialah Peringat, Jeli dan Kuala Krai di Kelantan, Libaran dan Kinabatangan di Sabah dan Padang Terap di Kedah.

Umno bahagian Tanah Merah akan mengadakan mesyuarat perwakilannya pada Jumaat.

Umno Bahagian yang akan mengadakan mesyuarat pada hari Ahad ialah Padang Besar (Perlis), Pokok Sena (Kedah), Tanjung, Bagan, Bukit Mertajam (Pulau Pinang), Ipoh Barat, Kampar, Beruas, Tapah, Teluk Intan dan Bagan Datoh (Perak), Seputeh (Kuala Lumpur), Kuala Selangor, Subang, Ampang Jaya, Tanjung Karang, Kuala Langat, Sepang dan Selayang (Selangor).

Yang lain ialah Selandar, Kota Melaka dan Alor Gajah (Melaka), Rasah, Seremban (Negeri Sembilan), Tuaran, Keningau dan Semporna (Sabah).

Mesyuarat Bahagian Umno yang diadakan sejak 1 Mac hingga 2 April membabitkan 165 Bahagian.

Setakat ini sebanyak 17 Umno Bahagian telahpun mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing.

Yang pertama ialah Umno Bahagian Tawau pada 2 Mac lepas dan telah mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden pada pemilihan Umno, 11 Mei depan.

Yang turut selesai mengadakan mesyuarat perwakilan ialah Umno Bahagian Tasik Gelugor, Jelutong (Pulau Pinang), Gerik, Batu Gajah (Perak), Cheras (Kuala Lumpur), Batu Berendam (Melaka), Ledang, Sungai Benut, Senai, Segamat, Tenggara (Johor), Bandau, Penampang, Papar, Sipitang (Sabah) dan Sik (Kedah).

Kesemua 17 Umno Bahagian yang telah mengadakan mesyuarat itu mencalonkan Dr Mahathir sebagai presiden parti dan Abdullah, timbalan presiden.

--BERNAMA

NZ zb